JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN,
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK	:	**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL RASMI JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.**
NOMBOR TAWARAN	:	**JKPTG SH 08/2018**
TARIKH TAWARAN DIBUKA	:	**27 MAC 2018 (SELASA)**
TARIKH TAWARAN DITUTUP	:	**05 APRIL 2018 (KHAMIS)**
KELAS/ KOD BIDANG	:	**210103, 210104, 210108**

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)

Sila tandakan (/) Bagi Dokumen-dokumen Yang disertakan

TAJUK / TUJUAN SEBUT HARGA		**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL RASMI JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.**	
NO. SEBUT HARGA		**JKPTG SH 08/2018**	
BIL	**PROSES**	**UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT**	**UNTUK DI TANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA**
DOKUMEN CADANGAN KEWANGAN			
1.	Jadual 6 : Jadual Kadar Harga	☐	☐
2.	Jadual 2 : Latar Belakang Dan Kedudukan Kewangan Penyebutharga/Syarikat-Syarikat Lain Yang Terlibat Bersama Syarikat Penyebutharga	☐	☐
	2.1 Salinan penyata akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juruaudit Bertauliah *(Certified Account)* atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data diberi;	☐	☐
	2.2 Salinan Penyata Bulanan Bank bagi bulan **Disember 2017, Januari dan Februari 2018;**	☐	☐
	2.3 Laporan Sulit daripada pihak Bank / Institusi Kewangan seperti format dalam **Lampiran 7a**;	☐	☐

	2.4 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia	☐	☐
	2.5 Salinan perakuan pendaftaran kontraktor bumiputera (jika ada)	☐	☐
3.	Salinan Borang 24, Borang 44, Borang 49, *Memorandum and Articles of Association* (M&A) yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat;	☐	☐
4.	Pengalaman Penyebut harga Bagi Tempoh Mac 2015 hingga Februari 2018	☐	☐
5.	Kerja Dalam Tangan Bagi Mac 2018 dan ke atas	☐	☐
6.	Lampiran Akuan Penyebut Harga	☐	☐
7.	Lampiran Surat Akuan Pembida	☐	☐

TAJUK / TUJUAN SEBUT HARGA		SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL RASMI JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.	
NO. SEBUT HARGA		**JKPTG SH 08/ 2018**	
BIL	**PROSES**	**UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT**	**UNTUK DI TANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA**
DOKUMEN CADANGAN TEKNIKAL			
1.	Kertas cadangan (*Executive Summary*)	☐	☐
2.	Jadual 1 : Skop Tugas	☐	☐
3.	Jadual 2 : Jadual Spesifikasi	☐	☐
4.	Jadual 3 : Pasukan Projek	☐	☐
5.	Jadual 4 : Latar Belakang Teknikal Penyebut Harga	☐	☐
6.	Jadual 5 : Pelan Pelaksanaan (*Gantt Chart*)	☐	☐

-Ruangan ini sengaja dikosongkan-

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ..... (jika ada). Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

-Ruangan ini sengaja dikosongkan-

KANDUNGAN

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL RASMI JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

I. Bahagian A: Peraturan Am Dan Syarat Sebut Harga
II. Bahagian B: Surat Akuan Sebut Harga (Borang Tawaran Sebut Harga) & Surat Akuan Pembida
III. Bahagian C: Spesifikasi Umum
IV. Bahagian D: Latar Belakang dan Skop Sebut Harga
V. Bahagian E: Spesifikasi Keperluan
VI. Bahagian F: Dokumen Perjanjian Kontrak (Contoh Sahaja)

Bil.	Kandungan	Keterangan
1	Jadual 1	Skop Tugas
2	Jadual 2	Jadual Spesifikasi
5	Jadual 3	Pasukan Projek
6	Jadual 4	Latar Belakang Teknikal Penyebut Harga
7	Jadual 4 Bahagian b	Rekod Pengalaman Syarikat
8	Jadual 5	Pelan Pelaksanaan (G*antt Chart*)

BAHAGIAN A
PERATURAN AM DAN SYARAT SEBUT HARGA

BAHAGIAN A: PERATURAN AM DAN SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga hendaklah mematuhi syarat-syarat ini apabila menyertai Sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini, membolehkan Sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan dan ditolak.

1. Kelayakan untuk Memasuki Sebut Harga

1.1 Semua syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini mestilah telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kepala 210100 dan sub-kepala 210103, 210104 dan 210108** serta masih sah pendaftarannya semasa memulakan kerja-kerja kontrak. Satu salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.

1.2 Hanya syarikat-syarikat yang eP *enabled* dan mengemukakan Sijil Pendaftaran Kontraktor yang asal dalam bidang yang disebutkan dalam para 1.1 sahaja.

1.3 Tawaran ini ditutup pada **jam 12.00 tengah hari pada 05 April 2018 (Khamis).** Tawaran yang lewat diterima atau tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

2. Dokumen Sebut Harga

Pastikan dokumen sebut harga yang diperolehi mengandungi perkara-perkara berikut:-

Bil.	Kandungan	Keterangan
1.	Bahagian A	Peraturan Am Dan Syarat Sebut Harga
2.	Bahagian B	Surat Akuan Sebut Harga (Borang Tawaran Sebut Harga) dan Surat Akuan Pembida
3.	Bahagian C	Spesifikasi Umum
4.	Bahagian D	Latar Belakang dan Skop Sebut Harga
5.	Bahagian E	Spesifikasi Keperluan
6.	Bahagian F	Dokumen Perjanjian Kontrak (Contoh Sahaja)
7.	Jadual 1	Skop Tugas
8.	Jadual 2	Jadual Spesifikasi
9.	Jadual 3	Pasukan Projek
10.	Jadual 4	Latar Belakang Teknikal Penyebut Harga
11.	Jadual 4a	Rekod Pengalaman Syarikat

Bil.	Kandungan	Keterangan
12.	Jadual 5	Pelan Pelaksanaan (*Gantt Chart*)
13.	Jadual 6	Jadual Kadar Harga
14.	Jadual 7	Latar Belakang Dan Kedudukan Kewangan Penyebut harga / Syarikat- syarikat lain yang terlibat bersama Syarikat Penyebut Harga

3. Cara-cara Mengisi Borang Sebut Harga

3.1 Semua borang / jadual yang dikepilkan hendaklah dibaca dengan teliti sebelum diisi. Sebarang kesilapan semasa memenuhi borang / jadual boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.

3.2 Semua borang / jadual mesti diisi dengan lengkap dan jelas. Penggunaan perkataan '**seperti di atas**' **/ 'sda' / 'sama' /** ***'comply'*** **/ 'patuh'** adalah **TIDAK BOLEH** digunakan.

3.3 Bagi **(Spesifikasi Teknikal Peralatan dan Perisian)**, sekiranya tawaran Penyebut harga adalah seperti spesifikasi minima yang ditetapkan, sila tulis spesifikasi tersebut.

3.4 Bagi spesifikasi yang tidak berkenaan, misalnya bagi peralatan / perisian yang tidak ditawarkan, Penyebut harga mestilah menulis perkataan '**Tidak Berkenaan**' atau **'TB'**.

3.5 Sebarang pindaan ke atas mana-mana maklumat mestilah dipotong, tandatangan ringkas beserta tarikh. Penggunaan sebarang pemadam adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Kerajaan tidak akan membuat sebarang bayaran tambahan yang disebabkan oleh kecuaian / kesilapan / kegagalan Penyebut harga memasukkan nilai itu di dalam dokumen sebut harga.

3.6 Penyebut harga dikehendaki mengemukakan semua butir-butir kos seperti yang dikehendaki dalam dokumen sebut harga ini. Sekiranya terdapat butiran yang tertinggal dalam tawaran ini, ia mungkin boleh menyebabkan tawaran sebut

harga tersebut tidak dipertimbangkan atau jika ia berjaya mendapat sebut harga ini, kontrak boleh ditamatkan.

4. Barang-barang Keluaran Tempatan

Harga barang buatan tempatan hendaklah termasuk kos pengangkutan dari kilang pembuat hingga ke tapak termasuk pemasangan, pengujian, pentauliahan, latihan di tapak dan penyelenggaraan alat yang sudah dipasang dalam tempoh jaminan.

5. Barang-barang Buatan Luar Negara

5.1 Bagi barang luar negara, harga yang ditawarkan hendaklah merangkumi kos pengangkutan dari kilang pembuat hingga ke pelabuhan muatan (*Port of Loading*) dan kos penghantaran, pemasangan, pembangunan, pengintegrasian, pengujian, pentauliahan, latihan di tapak dan penyelenggaraan dalam tempoh jaminan. Penyebut harga yang berjaya adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas barang-barang yang dihantar melalui agen penghantaran kerajaan dan kerajaan hanya menghendaki barang-barang itu dihantar melalui agen penghantaran kerajaan.

5.2 Harga di atas juga termasuk penyelenggaraan alat yang sudah dipasang dalam tempoh jaminan.

5.3 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki bekerjasama dengan agen penghantaran kerajaan untuk menguruskan barang-barang yang dipesan oleh kerajaan.

6. Tempoh Barang Siap Untuk Penghantaran, Tempoh Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan

6.1 Bagi barang buatan luar negeri, penyebut harga hendaklah menyatakan tempoh barang siap untuk penghantaran, tempoh pemasangan, pengujian dan pentauliahan.

6.2 Bagi barang buatan tempatan, tempoh serahan hendaklah dinyatakan. Tempoh ini termasuk penghantaran, tempoh pemasangan, pengujian dan pentauliahan.

7. Surat Pelantikan Daripada Agen Utama / Pengilang / Pembekal

Penyebut harga hendaklah mengemukakan bersama-sama dokumen sebut harga, suatu surat pelantikan daripada Agen Utama / Pengilang / Pembekal atau wakil yang sah sebagai agen untuk membekal barang-barang yang dicadangkan.

8. Penghantaran Dokumen Sebut Harga

8.1 Cadangan Teknikal hendaklah dihantar sebanyak **tiga (3) salinan** dimana satu (1) ditandakan **'ASAL'** dan selebihnya ditandakan **'SALINAN'**.

8.2 Dokumen Cadangan Teknikal **MESTILAH** juga dikemukakan dalam bentuk *soft copy* melalui media yang diguna ramai seperti Cakera Optik (CD/DVD). Semua lampiran mestilah disertakan dalam format Microsoft Office 2010 ke atas dan **penggunaan format *pdf adalah dilarang sama** sekali. Jika Penyebut harga memerlukan lampiran yang disediakan dalam bentuk *soft copy* maka Penyebut harga dikehendaki memuat turun daripada Portal JKPTG di www.jkptg.gov.my.

8.3 Dokumen Sebut Harga yang dihantar **WAJIB** terdiri daripada:-

Bil.	Kandungan	Keterangan
1.	Jadual 1	Skop Tugas
2.	Jadual 2	Jadual Spesifikasi
3.	Jadual 3	Pasukan Projek
4.	Jadual 4	Latar Belakang Teknikal Penyebut Harga
5.	Jadual 4a	Pengalaman Syarikat (Mac 2015 hingga Feb 2018)
6.	Jadual 5	Pelan Pelaksanaan (*Gantt Chart)*
7.	Jadual 6	Jadual Kadar Harga
8.	Jadual 7	Latar Belakang Dan Kedudukan Kewangan Penyebut harga / Syarikat- syarikat lain yang terlibat bersama Syarikat Penyebut Harga

8.4 Perkara-perkara berikut:

i. Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia;

ii. Jadual 1 : Surat Akuan Penyebutharga;

iii. Jadual 2: Latar Belakang Dan Kedudukan Kewangan Penyebutharga/Syarikat-Syarikat Lain Yang Terlibat Bersama Syarikat Penyebutharga;

iv. Salinan penyata akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juruaudit Bertauliah *(Certified Account)* atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data diberi;

v. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir Disember 2017, Januari dan Februari 2018 ;

vi. Laporan Sulit daripada pihak Bank / Institusi Kewangan seperti format dalam Lampiran 2.1;

vii. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia

viii. Salinan perakuan pendaftaran kontraktor bumiputera (jika ada)

ix. Salinan Borang 24, Borang 44, Borang 49, Memorandum and Articles of Association (M&A) yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat;

x. Jadual 6 (Jadual Kadar Harga); dan

xi. Jadual 7 (Latar Belakang Dan Kedudukan Kewangan Penyebut harga/ Syarikat- syarikat lain yang terlibat bersama Syarikat Penyebut Harga). Sebanyak tiga (3) salinan, hendaklah diisi ke dalam sampul dan berlakri, bertanda SAMPUL 'A' di sudut sebelah atas kiri dan dicatat perkataan:

SULIT
SEBUT HARGA JKPTG SH 08/2018
CADANGAN KEWANGAN

8.5 Perkara-perkara berikut:

i. Kertas cadangan yang merangkumi skop dan keperluan-keperluan yang dinyatakan di dalam Bahagian D (Latar Belakang dan Skop Sebut Harga) dan Bahagian E (Spesifikasi Keperluan);

Bil.	Kandungan	Keterangan
1.	-	Kertas cadangan (*Executive Summary*)
2.	Jadual 1	Skop Tugas
3.	Jadual 2	Jadual Spesifikasi
4.	Jadual 3	Pasukan Projek
5.	Jadual 4	Latar Belakang Teknikal Penyebut Harga
6.	Jadual 4 Bahagian b	Pengalaman Syarikat (Mac 2015 hingga Februari 2018)
7.	Jadual 5	Pelan Pelaksanaan (Gantt Chart)

Sebanyak **tiga (3) salinan**, hendaklah diisi ke dalam sampul dan berlakri bertanda **SAMPUL 'B'** di sudut sebelah atas kiri dan dicatat perkataan:

SULIT
SEBUT HARGA JKPTG SH 08/2018
CADANGAN TEKNIKAL

8.6 Kedua-dua Sampul A dan B hendaklah diisi ke dalam sampul yang berlainan yang berlakri (*sealed*) dan dicatatkan di sudut kiri bahagian atas sampul dengan perkataan:

SEBUT HARGA JKPTG SH 08/2018

BAGI PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL RASMI JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

Dialamatkan kepada:
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,
Bahagian Khidmat Pengurusan,

Unit Perolehan, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan,
Aras 1, Podium 1, No.25 Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 WP PUTRAJAYA.
(u.p. Encik Mohamad Azrul bin Azmi / Puan Nur Azrahani binti Zainal)

Tawaran yang dihantar dengan tangan boleh dimasukkan ke dalam peti tender atau sebut harga yang terletak di **Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Perolehan, Seksyen Kewangan dan Pentadbiran, Aras 1, Podium 1, Wisma Sumber Asli, No.25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 WP Putrajaya** pada bila-bila masa dalam waktu pejabat **sebelum** jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga.

8.7 Tawaran yang dihantar melalui pos hendaklah dihantar melalui **pos berdaftar** dan hendaklah tiba sebelum jam 12.00 tengah hari pada / sebelum tarikh tutup sebut harga.

8.8 Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan atau kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga disebabkan oleh kesilapan memasukkan borang penyertaan sebut harga ke dalam peti tender atau sebut harga yang dihantar dengan melalui pos.

9. Latar Belakang, Skop Sebut Harga dan Spesifikasi Teknikal

Skop dan keperluan-keperluan yang dinyatakan di dalam **Bahagian D (Latar Belakang dan Skop Sebut Harga)** perlulah dijelaskan di dalam cadangan / tawaran penyebut harga.

Penyebut harga mesti mengisi dan menyertakan spesifikasi teknikal yang diperlukan di dalam dokumen Sebut Harga ini. Semua tawaran hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di jadual tersebut. Membuat tawaran menggunakan format sendiri akan mengakibatkan tawaran ditolak. Sebarang pindaan / pembetulan spesifikasi teknikal mesti ditandatangani ringkas.

10. Contoh, Katalog dan Brosur

Semua sebut harga bagi barang yang ditawarkan mestilah disertakan sekurang-kurangnya **tiga (3) salinan** katalog atau risalah asal dan tuliskan nombor sebut harga dan butiran yang dimasukkan. Nama penyebut harga **TIDAK BOLEH** dicatatkan di katalog atau risalah ini.

Apabila diminta, contoh peralatan atau pembungkusan hendaklah diberi untuk diperiksa atau dianalisis. Contoh-contoh ini hendaklah dihantar / dikirim dengan tangan mengikut bilangan pada masa yang ditetapkan.

Penyebut harga yang tidak dapat mengemukakan contoh yang berkenaan pada waktu yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

11. Demonstrasi

Apabila dikehendaki, penyebut harga perlu dan sanggup untuk mengadakan demonstrasi / persembahan perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi yang dicadangkan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh Kerajaan.

Segala kos yang terlibat akan ditanggung oleh Penyebut harga sendiri. Untuk tujuan ini, Penyebut hargaakan dimaklumkan oleh Kerajaan dalam tempoh yang munasabah.

12. Butir-butir Penyebut Harga

Penyebut harga adalah dikehendaki mengemukakan maklumat mengenai latar belakang Penyebut harga dengan menggunakan format di **Bahagian E, Jadual 7 (Latar Belakang Dan Kedudukan Kewangan Penyebut harga/ Syarikat- syarikat lain yang terlibat bersama Syarikat Penyebut Harga)** di dalam dokumen sebut harga ini.

13. Harga dan Tempoh Sahlaku Tawaran

13.1 Harga yang ditawarkan hendaklah sah dalam **tempoh tidak kurang daripada sembilan puluh (90) hari selepas tawaran ditutup**. Jika Penyebut harga menarik balik harganya itu dalam tempoh sah laku, maka Penyebut harga

dianggap sebagai menarik balik tawaran dan pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh mengakibatkan disenaraihitamkan.

13.2 Fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal / syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta.

Tawaran harga yang dikemukakan hendaklah dinyatakan dalam angka yang tepat dan dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM) TIDAK TERMASUK kiraan GST sebanyak 6%**.

Setiap diskaun / pengurangan (jika ada) hendaklah dicatatkan di dalam **Bahagian E, Jadual 6 (Jadual Kadar Harga)**.

14. Setuju Terima Sebut Harga

Kerajaan adalah berhak mempersetuju terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya. Kerajaan tidak terikat mempersetujui sebut harga termurah sekali atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad dan Kerajaan tidak akan melayan sebarang rayuan.

Syarikat yang menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau yang menolak tawaran setelah tawaran dibuat boleh mengakibatkan Sijil Pendaftaran kontraktornya dibatalkan.

Surat Setuju Terima (*Letter of Award*) akan dikeluarkan yang akan mengandungi terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui. Terma-terma dan syarat-syarat tersebut adalah sebagai tambahan kepada syarat-syarat kontrak. Penyebut harga ini tidak boleh disifatkan sebagai dipersetujui hingga pengesahan bertulis daripada Penyebut harga menyatakan syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.

15. Bon Perlaksanaan Bagi Kontrak Bekalan / Perkhidmatan

15.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki memberi **Bon Perlaksanaan** sebelum menandatangani kontrak. **Bon Perlaksanaan** mestilah dalam bentuk **Jaminan Bank** yang dikeluarkan oleh bank yang berdaftar di Malaysia yang berjumlah **2.5% daripada nilai kontrak melebihi RM 200,000.00 hingga RM 500,000.00 atau 5% daripada nilai kontrak yang melebihi RM 500,000.00.**

15.2 Jaminan Bank mestilah sah berkuatkuasa di sepanjang tempoh kontrak sehingga satu tempoh minima 12 bulan selepas tamatnya kontrak atau tarikh pembekalan/perkhidmatan terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

15.3 Bon Perlaksanaan akan dikembalikan kepada Penyebut harga selepas semua syarat kontrak dipenuhi.

15.4 Jaminan bank untuk **Bon Pelaksanaan** adalah seperti di **Jadual 7 Lampiran 7B – Borang Jaminan Bank Untuk Bon Pelaksanaan** dokumen Sebut Harga.

15.5 Polisi Insuran Tanggungan Awam (iaitu insuran terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan beserta dengan resit bagi premium yang dibayar.

15.6 Nombor Pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

16. Pindaan Dokumen Sebut Harga

Pihak Kerajaan berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup sebut harga meminda dokumen sebut harga dengan menyediakan Addendum. Kerajaan akan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga yang telah membeli dokumen sebut harga.

17. Kontrak

Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana-mana jadual yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen sebut harga ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan Sebut Harga.

18. Bantahan Spesifikasi

Penyebut harga yang berasa tidak berpuas hati dengan spesifikasi yang disediakan dan mendapati ianya menjurus kepada sesuatu jenama, mereka berhak untuk membuat bantahan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh iklan.

Pelaksanaan / Penyelenggaraan

18.1 Penyebut harga yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk membekal, menghantar, memasang, membangun, mengintegrasi dan menguji serta mentauliah semua perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi yang dicadangkan. Proses ini mestilah dilengkapkan / selesai dalam jangka masa yang ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

18.2 Sistem akan diuji sepenuhnya berdasarkan kepada skop yang dinyatakan di dalam **Bahagian D (Latar Belakang dan Skop Sebut Harga)**. Jika terdapat sebarang perubahan yang diperlukan, perubahan tersebut hendaklah dilaksanakan oleh Penyebut harga dan sekiranya terdapat sebarang masalah, adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga untuk menyelesaikannya.

18.3 Penyebut harga adalah dikehendaki mengemukakan syarat-syarat dan anggaran kos penyelenggaraan / *licensing* di dalam **Jadual 6 (Jadual Kadar Harga)** bagi perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi yang terlibat untuk tempoh dua belas (12) bulan selanjutnya iaitu selepas tamat tempoh jaminan.

19. Bayaran

19.1 Pembayaran penuh hanya akan dilakukan setelah pembekal menyiapkan sepenuhnya kerja penghantaran, pemasangan, pengubahsuaian, pengintegrasian, pengujian dan pentauliahan perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi di lokasi yang ditetapkan.

19.2 Pembayaran berperingkat dibuat mengikut peratusan yang telah dipersetujui di dalam kontrak.

20. Pengakuan dan Penyerahan

Penyebut harga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos perkakasan, peralatan, perisian, buruh pengangkutan dan segala yang diperlukan bagi menghantar, memasang, mengintegrasi, menguji dan mentauliah perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi yang telah diubahsuai tersebut di tempat yang ditetapkan.

21. Penerimaan Perkakasan, Peralatan, Perisian dan Sistem Aplikasi

Perakuan penerimaan perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi yang telah diubahsuai hanya akan dibuat setelah perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi tersebut diperiksa dan diuji oleh pegawai yang diberi kuasa bagi pihak Kerajaan.

Pegawai tersebut berhak membuat penolakan terhadap bekalan perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi yang rosak, rendah kualiti atau yang tidak mengikut spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan. Penyebut harga hendaklah menggantikan perkakasan, peralatan, perisian dan sistem aplikasi yang ditolak tersebut. Kos perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh penyebut harga.

22. Iklan

Sebarang maklumat mengenai kontrak ini tidak boleh disiarkan, dicetak-semula, diterbit atau dipetik sebahagiannya di dalam akhbar, majalah atau media pengiklanan yang

terkini melainkan jika pengiklanan tersebut telah pun dihantar kepada dan diluluskan secara bertulis oleh Kerajaan terlebih dahulu.

23. Notis Dihantar Melalui Pos / Faks / E-Mail

Setiap notis yang hendak diberi kepada Penyebut harga akan diposkan / Faks / E-Mail ke nombor / alamat yang dinyatakan dalam sebut harga tersebut. Cara-cara penghantaran notis itu akan disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna bagi notis tersebut.

24. Perbelanjaan Menyertai Sebut Harga

Segala perbelanjaan menyertai sebut harga adalah tanggungjawab penyebut harga.

25. Pertanyaan Urusan

Semua Penyebut harga yang memerlukan keterangan lanjut atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini, sila hubungi:

25.1 Pertanyaan kewangan

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Unit Perolehan, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan,
Aras 1, Podium 1, No.25 Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 WP PUTRAJAYA.
(u.p. Pn. Nor Shazleen binti Eshak / Pn. Nur Azrahani binti Zainal)
Email : norshazleen@jkptg.gov.my / azrahani@jkptg.gov.my
No. Telefon : 03-8871 2912/ 2873
No. Fax : 03-8890 1237

25.2 Pertanyaan teknikal

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah,
Aras 10, Wisma Sumber Asli,
No 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 W.P. Putrajaya.
(u.p.: Marina binti Jamal)
Emel : marina@jkptg.gov.my

Tel : 03 – 8886 1362
Faks : 03 – 8889 3461

26. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

Penyebut harga adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan pada 22 September 2008 iaitu:

a. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Any act or attempt to corruptly offer, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

b. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

c. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

d. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

27. Fi Perkhidmatan Sistem ePerolehan

Sila ambil maklum bahawa Perolehan Perkhidmatan ICT bagi Perkhidmatan Penambahbaikan Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar ini dilaksanakan melalui Sistem *ePerolehan* termasuk juga Kontrak Jabatan. Sehubungan itu, hanya syarikat

yang mengemukakan tawaran melalui sistem *ePerolehan* sahaja dikategorikan sebagai satu tawaran dan **LAYAK DIPERTIMBANGKAN** untuk perolehan ini. Pihak tuan adalah diingatkan tentang fi perkhidmatan bagi transaksi secara elektronik melalui Sistem *ePerolehan* adalah sebanyak **0.8%** bagi setiap pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum **RM9,600.00** bagi Pesanan Kerajaan melebihi **RM2 juta**. Semua pembekal sewajarnya sedia maklum mengenai fi yang dikenakan ini kerana syarat pengenaan fi perkhidmatan tersebut termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem *ePerolehan*. Justeru harga yang ditawarkan hendaklah meliputi kenaan *'charge'* sebanyak 0.8%.

BAHAGIAN B
SURAT AKUAN SEBUT HARGA
(BORANG TAWARAN SEBUT HARGA)
DAN
SURAT AKUAN PEMBIDA

(BORANG TAWARAN SEBUT HARGA)

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Unit Perolehan, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan,
Aras 1, Podium 1, No.25 Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 WP PUTRAJAYA.
Tuan,

NO. SEBUT HARGA : JKPTG SH 08/2018

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL RASMI JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

Saya/kami yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran bagi projek yang disebuthargakan dengan harga berjumlah: **RM ……..…….. (Ringgit Malaysia: ……..…… ……... ……. Sahaja)**. Tawaran ini mempunyai sah laku untuk tempoh selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut Harga ini ditutup.

Saya / kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sepenuhnya:

a) Bahawa tawaran ini akan dijadikan asas oleh Kerajaan untuk penerimaan tawaran kami;

b) Bahawa Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga;

c) Bahawa keputusan Lembaga Sebut Harga adalah muktamad;

d) Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka satu kontrak yang formal akan ditandatangani antara pihak kami dengan Kerajaan selaras dengan tawaran yang diberikan;

e) Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka kami akan mendepositkan **Bon Pelaksanaan** dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penerimaan Surat Setuju terima Sebut Harga tetapi sebelum bermulanya pembekalan;

f) Bahawa Surat Akuan Sebut Harga (Borang Tawaran Harga) berserta dengan Surat Setuju Terima Sebut Harga ini hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak yang mengikat antara Kerajaan dan Penyebut hargawalaupun kontrak yang formal belum dilaksanakan;

g) Bahawa sekiranya kami menolak tawaran ini atau jika maklumat yang diberikan adalah palsu, Kerajaan boleh menarik balik penganugerahan sebut harga yang diberikan dan membawa kes ini ke Mahkamah; dan

h) Bahawa kami akan mematuhi segala syarat-syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga ini.

Bagi pihak Penyebut harga :

Tandatangan Penyebut harga : ……..

Nama Penuh : ……..

No. Kad Pengenalan : ……..

Alamat / Cop Syarikat : ……..

……..

……..

Di hadapan:

Tandatangan Saksi : ……..

Nama Penuh Saksi : ……..

No. Kad Pengenalan Saksi : ……..

Alamat : ……..

……..

……

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUT HARGA: JKPTG SH 08/2018

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL RASMI JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

Saya, **(Nama Wakil Syarikat)** nombor K.P. _____ yang mewakili **(Nama Syarikat)** nombor Pendaftaran **(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian / Agensi)**, sebagai ganjaran mendapatkan **Tender / Sebut Harga*** seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian / Agensi)** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan **Tender / Sebut Harga*** seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau

2.2 penamatan kontrak bagi **Tender / Sebut Harga*** di atas; dan

2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan **Tender / Sebut Harga*** seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

……..

Nama :

No. KP :

Cop Syarikat :

* Sila potong yang tidak berkaitan.

[Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C
SPESIFIKASI UMUM

BAHAGIAN C : SPESIFIKASI UMUM

1. Piawaian Alat-alat Elektrik

Semua alat elektrik yang ditawarkan oleh Penyebut harga, mestilah diluluskan oleh SIRIM Malaysia.

2. Alat Kelengkapan dan Bahan-bahan

Semua alat kelengkapan dan bahan-bahan yang hendak dibekalkan mengikut spesifikasi sebut harga ini hendaklah yang terbaru dan tidak pernah digunakan sebelum ini dan mempunyai kualiti yang baik dari segi reka bentuk, pembuatan, prestasi dan ketahanan gunaan.

Semua bahan-bahan termasuk logam, bahan kimia, cat, bahan bungkusan dan sebagainya yang digunakan dalam pembuatan alat kelengkapan, pemasangannya dan pembungkusan hendaklah disesuaikan dengan iklim di Malaysia. Sebarang kerosakan yang disebabkan oleh pengaruh iklim akan dianggap sebagai kecacatan dari segi buatan pengilang. Penyebut harga hendaklah membaikinya atau menggantikannya atas perbelanjaannya sendiri dengan mengikut spesifikasi yang setara atau lebih tinggi.

3. Perlindungan Harta Benda

Penyebut harga adalah bertanggungjawab ke atas semua peralatan / perkakasan di tapak, alat kelengkapan dan bahan-bahan yang dibekalkan yang berkaitan dengan kerjanya.

Penyebut harga hendaklah berhati-hati untuk mengelakkan dari berlakunya kerosakan pada bangunan dan perkhidmatannya yang lain. Sebarang kerosakan pada bangunan akibat daripada pengangkutan, pemasangan dan pentauliahan alat-alat kelengkapan hendaklah dibaiki atas perbelanjaan sendiri Penyebut Harga.

Penyebut harga adalah dikehendaki membayar ganti rugi atau menggantikan alat-alat / harta benda milik Kerajaan atau pelawat atau pihak yang berurusan di dalam premis Kerajaan yang dirosakkan/ pecah/ hilang di atas kecuaian atau disebabkan oleh pekerja-pekerja Penyebut harga dalam tempoh kontrak, sekurang-kurangnya dalam

bentuk barang-barang yang sama. Kegagalan membuat penggantian akan menyebabkan potongan bayaran ke atas pembayaran kontrak yang dibuat berasaskan harga asal barang berkenaan. Dalam keadaan ini, sebarang bantahan atau rayuan tidak akan dipertimbangkan.

4. Ujian dan Pentauliahan

Setelah kerja pemasangan sistem atau alat-alat kelengkapan disempurnakan sepenuhnya, Penyebut harga hendaklah menjalankan ujian-ujian ke atas setiap bahagian sistem itu untuk membuktikan bahawa alat-alat dan perisian serta sistem aplikasi itu boleh menghasilkan dan mengekalkan prestasi yang ditetapkan. Seterusnya, ujian menyeluruh ke atas sistem itu hendaklah dijalankan untuk membuktikan bahawa alat-alat dan perisian serta sistem aplikasi itu telah diselaraskan dan diperbetulkan dengan baik untuk menghasilkan prestasi yang dijaminkan seperti dalam spesifikasi sebut harga ini.

Kos *consumables* yang diperlukan dalam ujian dan pentauliahan alat-alat kelengkapan, perisian dan sistem aplikasi serta kos-kos lain yang berkaitan dengan ujian, penimbangan, kalibrasi dan penetapan semua peralatan dan kawalan adalah ditanggung penyebut harga.

5. Pakaian / Pas Lawatan

Pekerja Penyebut harga dikehendaki memakai pakaian sesuai. Pakaian yang menjolok mata atau tidak sopan adalah dilarang dan Kerajaan berhak mengarahkan mereka ini meninggalkan kawasan premis Kerajaan. Mereka juga mestilah sentiasa memakai pas lawatan yang disediakan oleh Kerajaan.

6. Waktu Bekerja dan Kerja Lebih Masa

Waktu bekerja adalah daripada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan boleh meneruskan kerja sehingga jam 6.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat. Sebarang kerja lebih masa hendaklah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Kerajaan terlebih dahulu.

7. Akta Rahsia Rasmi Kerajaan (OSA)

Semua pekerja Kontraktor adalah diwajibkan mengisi borang akujanji di bawah Akta Rahsia Rasmi Kerajaan (OSA) 1972. Pihak Kontraktor perlu mengambil langkah-langkah kawalan dan pengawasan bagi memastikan semua data / maklumat terpelihara kerahsiaannya.

BAHAGIAN D
LATAR BELAKANG DAN SKOP SEBUT HARGA

BAHAGIAN D : LATAR BELAKANG DAN SKOP SEBUT HARGA

1. SKOP SEBUT HARGA

Sebut harga ini bertujuan bagi Perkhidmatan Penambahbaikan Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar berdasarkan syarat-syarat dalam Bahagian E (Spesifikasi Keperluan)

2. SENARAI LOKASI

2.1 Berikut adalah senarai lokasi yang terlibat dengan sebut harga ini:-

Bil.	Alamat
1.	**JKPTG Ibu Pejabat** Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Aras 10, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, **62574 WP PUTRAJAYA.**

BAHAGIAN E
SPESIFIKASI KEPERLUAN

BAHAGIAN E : SPESIFIKASI KEPERLUAN

1. Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mengemukakan cadangan seperti mana jadual yang disenaraikan di bawah:-

Bil.	Kandungan	Keterangan
1.	-	Kertas Cadangan (*Executive Summary*)
2.	Jadual 1	Skop Tugas
3.	Jadual 2	Jadual Spesifikasi
4.	Jadual 3	Pasukan Projek
5.	Jadual 4	Latar Belakang Teknikal Penyebutharga
6.	Jadual 4a	Pengalaman Syarikat (Mac 2015 hingga Februari 2018)
7.	Jadual 5	Pelan Pelaksanaan (Gantt Chart)

-Ruangan ini sengaja dikosongkan-

JADUAL 1 : SKOP TUGAS

SKOP TUGAS KONTRAKTOR

JKPTG SH 08/2018

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL RASMI JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

1. PENGENALAN

1.1. Sebut harga ini bertujuan bagi mendapatkan perkhidmatan Penambahbaikan Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual 2 – Jadual Spesifikasi.**

2. SKOP TUGAS

2.1. Membangun dan menyelenggara portal rasmi JKPTG dengan URL https://www.jkptg.gov.my. Penyebut harga perlu menyediakan reka bentuk laman web, kepelbagaian fungsi dalam talian dan menstruktrur kandungan laman web.

2.2. Penyebut harga hendaklah melindungi keselamatan maklumat dan perkhidmatan laman web dari aspek kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan.

2.3. Penyebut harga hendaklah menyediakan Pelan Pelaksanaan Projek dengan jelas bagi setiap proses yang akan dilaksanakan di dalam sebut harga ini.

2.4. Penyebut harga perlu menyediakan perkhidmatan sokongan (*Support Service*) tanpa had termasuk telefon / emel / *web support* and *remote troubleshooting/ consultation* (hari bekerja) semasa dalam tempoh jaminan.

2.5. Perkhidmatan lawatan tapak (*Onsite troubleshooting)* (8am-5pm hari bekerja).

2.6. Tempoh maklum balas bagi perkhidmatan sokongan dalam tempoh insiden yang kritikal. Penyebut harga perlu memberi maklum balas dalam jangka masa dua (2) jam dari masa dimaklumkan dan berada di lokasi kerosakan selewat-lewatnya dalam masa lapan (8) jam dari laporan aduan sekiranya masalah tidak dapat diselesaikan.

Tandatangan : ……

Tarikh : ……

JADUAL 2 : JADUAL SPESIFIKASI

Arahan Kepada Penyebut harga

i) Penyebut harga mestilah memberikan jawapan dan cadangan yang bersesuaian dengan keperluan pengguna.

SPESIFIKASI TEKNIKAL			KOMITMEN OLEH PENYEBUTHARGA (MESTI DIJAWAB)	
Bil.	**Keperluan**	**Penyata**	**Pematuhan (Ya / Tidak)**	**Nyatakan Cadangan yang Ditawarkan**
1.	**UMUM**			
1.1	Portal rasmi yang ditambahbaik hendaklah mesra pengguna, mudah untuk digunakan dan mempunyai navigasi yang intuitif.	M		
1.2	Hendaklah serasi dengan pelbagai *web browser* utama seperti Internet Explorer, Mozilla Firefox Google Chrome dan Safari versi terkini.	M		
